



## INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



# PRN SABAH 2020: TINJAUAN TERHADAP SENTIMEN PEMBANGUNAN

## *PRN SABAH 2020: OUTLOOK ON DEVELOPMENT SENTIMENT*

Mohd Azri Ibrahim<sup>1</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>2\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>3\*</sup>, Romzi Ationg<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mohdazri@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mrationg@ums.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

#### To cite this document:

Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Ationg, R. (2023). PRN Sabah 2020: Tinjauan Terhadap Sentimen Pembangunan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 31-46.

DOI: 10.35631/IJLGC.831003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



### Abstrak:

PRN Sabah Ke-16 berlangsung setelah DUN Sabah dibubarkan pada 30 Julai 2020 dan hari pengundian ditetapkan oleh SPR pada 26 September 2020 dengan sebanyak 73 kerusi DUN dipertandingkan. Secara umumnya sidang panel penyelidik GeOPES akan menganalisis dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum, sewaktu dan selepas PRN Sabah Ke-16. Tidak dapat dinafikan, PRN Sabah ke-16 telah memperlihatkan dinamika politik dan pilihanraya di Sabah yang menarik untuk dikaji dan ditelusuri; terutamanya dari aspek pembangunan politik, hubungan pusat-negeri, media dan komunikasi politik, serta sentimen primordial. Disamping itu juga, isu-isu pilihan raya juga menarik dan mendapat tumpuan oleh parti politik atau calon dalam PRN Sabah kali ini seperti isu pembangunan, isu hak Sabah, isu sara hidup/kemiskinan, isu-isu tempatan serta isu-isu nasional sebagai modal bagi meraih sokongan pengundi. Dalam konteks media dan pilihanraya pula sebagai contoh, medium yang digunakan untuk menyampaikan bahan kempen, mengutarakan isu-isu kepada pengundi dan mempromosikan manifesto pada kelazimanya adalah menerusi media massa (elektronik dan cetak), media siber, ceramah dan poster. Secara umumnya objektif sidang panel ini adalah untuk menganalisis dinamika politik yang mewarnai PRN Sabah 2020, di samping melihat pengaruh atau sentimen terhadap isu-isu pilihanraya tersebut. Metod penyelidikan yang dijalankan oleh GeOPES adalah dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data yang dicerap dan dianalisis melalui gabungan dua (2) kaedah tersebut secara saintifik dapat membantu kita untuk memahami sifat dan bentuk dinamika

politik Sabah dalam lingkungan politik Malaysia yang lebih menyeluruh. Justeru, dapatan kajian PRN Sabah 2020 oleh GeOPES dapat samada secara simbiosis atau antagonis, memahami pembangunan politik Malaysia menjelang PRN Sarawak dan juga PRU 15 nanti.

**Kata Kunci:**

Pilihan Raya, Pembangunan Politik, Dinamika Politik, Politik Sabah

**Abstract:**

The 16th Sabah State Assembly took place after the Sabah State Assembly was dissolved on 30 July 2020 and the polling day was set by the EC on 26 September 2020 with 73 state seats contested. Generally, the GeOPES research panel will analyze the findings of studies conducted before, during and after the 16th Sabah PRN. Undeniably, the 16th Sabah PRN has shown interesting political and electoral dynamics in Sabah to study and explore; especially from the aspect of political development, central-state relations, media and political communication, as well as primordial sentiment. In addition, electoral issues are also interesting and have been highlighted by political parties or candidates in the Sabah PRN this time such as development issues, Sabah rights issues, subsistence/poverty issues, local issues as well as national issues as capital to win the support of voters. In the context of media and elections, for example, the medium used to deliver campaign materials, express issues to voters and promote manifesto is usually through mass media (electronics and print), cyber media, talks and posters. Generally, the objective of this panel session was to analyze the political dynamics that color the Sabah PRN 2020, as well as to see the influence or sentiment on the election issues. The research methodology carried out by GeOPES is to combine qualitative and quantitative methods. The data observed and analyzed through a combination of the two (2) methods scientifically can help us to understand the nature and form of Sabah's political dynamics in a more comprehensive Malaysian political environment. Thus, the findings of the 2020 Sabah PRN study by GeOPES can either be symbiosis or antagonist, understanding the political development of Malaysia ahead of the Sarawak PRN as well as the 15th general election.

**Keywords:**

Elections, Political Development, Political Dynamics, Sabah Politics

## Pengenalan

Sistem demokrasi ini adalah berteraskan kepada kedaulatan rakyat yang berperanan memilih kerajaan yang akan memerintah negara menerusi pilihanraya. Ini bermakna dalam sesebuah negara demokrasi, pembentukan kerajaan yang akan memerintah negara adalah ditentukan oleh proses pilihanraya umum yang akan diadakan secara berkala. Dengan wujudnya pilihanraya ini bermakna rakyat akan menggunakan hak dan peluang tersebut untuk memberi mandat kepada parti-parti politik yang bertanding untuk memerintah negara. Proses pilihanraya dan pengundian ini akan mewujudkan kesesuaian dan persetujuan antara rakyat yang memilih dengan wakil atau parti yang dipilih.

Setiap rakyat atau pengundi juga mempunyai pilihan dan kecenderungan yang berbeza-beza terhadap parti-parti politik yang bertanding. Walaupun undian itu adalah hak setiap pengundi tetapi terdapat juga aspek-aspek yang boleh mempengaruhi pola pengundian tersebut terutamanya yang melibatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kaum, kesetiaan terhadap

parti, isu-isu yang dibangkit, peranan media, sentimen calon atau parti dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan pola pengundian.

PRN Sabah Ke-16 berlangsung setelah DUN Sabah dibubarkan pada 30 Julai 2020 dan hari pengundian ditetapkan oleh SPR pada 26 September 2020 dengan sebanyak 73 kerusi DUN dipertandingkan. Tidak dapat dinafikan, PRN Sabah ke-16 telah memperlihatkan dinamika politik dan pilihanraya di Sabah yang menarik untuk dikaji dan ditelusuri; terutamanya dari aspek pembangunan politik, hubungan pusat-negeri, media dan komunikasi politik, serta sentimen primordial. Disamping itu juga, isu-isu pilihan raya juga menarik dan mendapat tumpuan oleh parti politik atau calon dalam PRN Sabah kali ini seperti isu pembangunan, isu hak Sabah, isu sara hidup/kemiskinan, isu-isu tempatan serta isu-isu nasional sebagai modal bagi meraih sokongan pengundi. Dalam konteks media dan pilihanraya pula sebagai contoh, medium yang digunakan untuk menyampaikan bahan kempen, mengutarakan isu-isu kepada pengundi dan mempromosikan manifesto pada kelazimanya adalah menerusi media massa (elektronik dan cetak), media siber, ceramah dan poster.

### Metodologi

Metod penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik GeoPES adalah dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data yang dicerap dan dianalisis melalui gabungan 2 kaedah tersebut secara saintifik dapat membantu untuk memahami sifat dan bentuk dinamika politik Sabah dalam lingkungan politik Malaysia yang lebih menyeluruh. Soal selidik adalah berdasarkan kepada responden secara rawak dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis diskriptif iaitu melibatkan data-data yang berupa peratusan dan kekerapan bagi setaip soalan terutamanya. Pada masa yang sama juga, kajian ini juga melibatkan kaedah kualitatif iaitu sesi temubual dan soal jawab menerusi bersemuka serta menerusi tinjauan dan pemerhatian serta pemerhatian poster atau bahan kempen di lokasi lapangan yang dijalankan. Dapatan kajian menerusi kaedah kualitatif akan dianalisis bersama-sama dengan dapatan kajian kuantitatif bagi mendapatkan satu rumusan berdasarkan aspek-aspek penting dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan sentiment pembangunan dalam konteks pilihanraya di Sabah. Oleh itu, kertas kerja ini hanya melihat latar belakang responden berdasarkan kajian soal selidik dan tumpuan perbincangan adalah berdasarkan kepada kaedah kualitatif iaitu perbincangan dapatan kajian menerusi temubual, pemerhatian dan rujukan sumber maklumat daripada media.

### Konsep

Roskin telah mengutarakan beberapa persoalan tentang parti politik dan demokrasi dalam sesebuah negara. Persoalan yang dilontarkan oleh Roskin ialah “*can you have a democracy without competing parties?*” Persoalan ini sewajarnya difahami oleh masyarakat dalam sebuah negara demokrasi. Ini kerana amalan demokrasi membenarkan parti-parti politik bersaing untuk menang dalam pilihanraya dan tanpa persaingan antara parti politik adalah sukar untuk mengatakan sesebuah negara tersebut adalah demokrasi.

Parti politik perlu wujud dan terlibat dalam pilihanraya melalui sistem politik demokrasi. Oleh itu dengan adanya amalan, pelaksanaan dan perjalanan pilihanraya dalam sistem demokrasi, maka parti politik akan berperanan untuk bertanding dalam sesuatu pilihanraya yang diadakan. Jupp (1968) telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan parti politik terutamanya analisis terhadap definisi parti politik, sistem parti politik dan fungsi-fungsi parti politik. Secara umumnya beliau berpendapat bahawa parti politik adalah sebuah kumpulan atau institusi yang mempunyai program, pemimpin, kesetiaan dan disiplin (1968: 2). Apter (1993) berpendapat bahawa kewujudan parti politik telah memberi makna yang jelas bahawa

ianya dilihat sebagai sub-kelompok dalam satu sistem dan matlamat parti politik itu sendiri untuk mendapatkan kekuasaan. Heywood (1997) pula berpendapat parti politik sebagai sebagai "... a group of people that is organized for the purpose of winning government power, by electoral." Neuman (1975) menjelaskan perkataan parti bermakna sekumpulan orang atau organisasi yang telah dibezakan dari orang lain oleh rancangan atau program yang tertentu.

Konsep pilihanraya dapat difahami sebagai satu pilihan umum yang diadakan oleh mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Oleh itu pilihanraya menjadi tempat atau pentas kepada ahli-ahli politik atau parti-parti politik bertanding dan berusaha meraih sokongan masyarakat atau pengundi bagi memastikan kemenangan kepada calon atau parti politik tertentu. Ranney (1993) melihat pilihanraya sebagai proses pemilihan oleh rakyat dan juga kawalan rakyat terhadap kerajaan. Wilson (2008) pula melihat pilihanraya dalam konteks demokrasi, iaitu beliau berpendapat bahawa *all modern democratic hold elections, but not all elections are democratic* (2008). Di sini jelas bahawa amalan pilihanraya wujud dalam semua sistem demokrasi tetapi tidak semua proses pilihanraya boleh dianggap sebagai demokratik.

Salah satu lagi ciri penting pilihanraya ialah *free election*. Ranney (2000) telah menggaris bebarapa perkara penting berkaitan dengan pilihanraya yang dianggap sebagai demokratik dalam sesebuah negara seperti hak mengundi oleh setiap orang yang layak, pilihanraya yang mempunyai tempoh dan masa, tidak ada pengecualian kepada rakyat yang layak mengundi untuk membuat pilihan dalam pilihanraya, semua kawasan pilihanraya mesti ada pertandingan atau boleh bertanding, kempen diadakan secara adil dan undi adalah rahsia. Memahami konsep-konsep asas dalam amalan demokrasi ini seperti pilihanraya dan parti politik adalah penting bagi meluaskan pengetahuan tentang ilmu tersebut serta kaitannya dengan kajian terhadap tingkah laku pengundi dalam sesebuah pilihanraya yang diadakan.

### **Kajian Lepas**

Syed Arabib (1994) telah mendapati bahawa pengundi boleh dipenagruhi oleh nilai berita yang disampaikan oleh media terutamanya isu-isu pilihanraya. Menerusi pendekatan teori yang berdasarkan kepada penentuan agenda yang dibuat secara empirical – beliau mendapati pengundi lebih cenderung mengundi calon atau parti politik yang mendapat nilai berita yang positif seperti isu-isu pembangunan, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Kajian bersama Syed Arabib & Mazni (1995) telah mendapati bahawa media arus perdana lebih memaparkan isu-isu nasional yang seperti pembangunan, dasar-dasar kerajaan seperti Wawasan 2020, perpaduan antara pelbagai kaum dan pertumbuhan ekonomi yang baik. Kesan daripada nilai berita yang disampaikan oleh media didapati bahawa pola pengundian oleh pengundi adalah lebih cenderung menyokong parti Barisan Nasional berbanding parti pembangkang.

Vasil (1972) mendapati bahawa pendekatan terhadap isu-isu pilihanraya menerusi aspek calon, kaum dan lokaliti telah diterjemahkan dalam pilihanraya umum 1969. Beliau mendapati kebangkitan parti-parti pembangkang yang berteraskan kaum seperti Gerakan dan DAP bagi pengundi Cina dan PAS bagi pengundi Melayu telah memperlihatkan kecenderungan perubahan pola pengundian ini dan antaranya adalah disebabkan oleh isu-isu yang dibangkit atau sentiment kaum itu sendiri yang dibangkitkan dalam pilihanraya tersebut. Kamlin (1977) pula dalam kajiannya telah mendapati bahawa pola pengundian masyarakat atau pengundi Terengganu lebih cenderung kepada isu-isu setempat terutamanya yang berkaitan dengan kemajuan setempat/kawasan. Rizal & Jumaat (2002) dalam kajiannya mendapati bahawa politik etnik masih wujud pada pilihanraya di Malaysia terutamanya selepas pilihanraya umum

1999 dan beliau mendapati bahawa faktor etnik didapati masih relevan dalam pola pengundian di Malaysia. Oleh itu isu kaum atau politik berdasarkan kepada etnik masih relevan dan sentiasa menjadi bahan dalam kempen pilihanraya. Yusof & Azlan (2002) mendapati bahawa pada pilihanraya umum 1999 telah memperlihatkan pola pengundian oleh pengundi banyak dipengaruhi oleh isu-isu yang dibangkitkan terutamanya isu yang berkaitan dengan kaum, agama, rasuah, ketelusan, budaya dan lain-lain berbanding dengan pendekatan identifikasi parti yang kurang menonjol.

Muhamad Agus (1992) telah menjelaskan tentang politik Sabah dan kaitannya dengan pilihanraya. Dalam hal ini, beliau mendapati bahawa pola pengundian pengundi di Sabah lebih menjurus kepada aspek kaum atau etnik itu sendiri serta sokongan terhadap parti pemerintah yang kuat berbanding kedudukan parti-parti pembangkang. Konsep akomodasi politik iaitu kecenderungan etnik-etnik untuk bekerjasama dalam politik dan pilihanraya adalah bagi memastikan kepentingan setiap kaum atau etnik di Sabah terjamin. Keadaan ini secara langsung dan tidak langsung akan mendorong pengundi untuk membuat pilihan semasa pilihanraya berdasarkan kepada faktor etnik. Ismail (1978) telah melihat proses kerjasama politik atau politik permuafakatan di kalangan parti perikatan dalam pilihanraya umum 1978. Beliau telah mendapati bahawa kerjasama politik Barisan Nasional dengan PAS telah meningkatkan jumlah undi bagi parti tersebut apabila faktor kaum menjadi asas utama pada pilihanraya tersebut terutamanya pada tahun 1974; manakala bagi pola pengundian oleh pengundi Cina di Pulau Pinang telah mendapati bahawa jumlah undi oleh DAP telah meningkat pada tahun 1978 – peningkatan ini adalah berdasarkan pola pengundian di Pulau Pinang masih kuat berpegang kepada faktor kaum apabila pengundi Cina mula memberi undian mereka kepada parti DAP berbanding parti Barisan Nasional.

### **Senario Dan Latar Belakang PRN Sabah 2020**

Politik Sabah kembali mendapat perhatian umum setelah Langkah Sheraton yang menyebabkan perubahan kerajaan pusat dan juga perubahan kerajaan negeri di Johor, Melaka, Perak dan Kedah di Semenanjung Malaysia. Situasi politik Sabah mulai panas apabila pada pertengahan Jun, dua Adun blok kerajaan diterajui Warisan Sabah daripada Upko iaitu Datuk Limus Jury dan Datuk James Ratib mengumumkan keluar parti berkuat kuasa serta merta dan menjadi Adun bebas yang menyokong Perikatan Nasional. Spekulasi dan dakwaan mula timbul berkaitan dengan dakwaan pujuk memujuk wakil rakyat dari pihak kerajaan untuk keluar parti dan dikatakan dijanjikan tawaran jawatan dan wang. Gelora politik Sabah mula bergerak kencang apabila Musa Aman bekas Ketua Menteri Sabah selama 15 tahun telah digugurkan daripada 46 pertuduhan mahkamah berkaitan dengan isu salah guna kuasa. Beliau telah membuat dakwaan bahawa telah memperolehi majoriti mudah dengan beberapa ADUN blok kerajaan negeri didakwa meninggalkan parti. Pada masa yang sama juga, Shafie Apdal telah mengadap Tuan Yang Terutama Negeri Sabah di Istana Negeri. Berdasarkan senario politik ini, TYT Sabah membuat keputusan agar dibubarkan dewan undangan negeri Sabah dan menyerahkan mandat kepada rakyat untuk memilih, dan tidak membenarkan budaya lompat parti yang memilih. Akhirnya pada 30 Julai 2020 Mohd Shafie mengumumkan pembubaran DUN Sabah bagi memberi laluan kepada pilihan raya negeri diadakan dalam tempoh 60 hari.

Kemelum ke arah PRN Sabah 2020 seharusnya juga dilihat berdasarkan krisis politik Sabah sejurus keputusan pilihanraya umum bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 2018. Pada 9 Mei 2018, keputusan pilihanraya telah menunjukkan parti Barisan Nasional (BN) Sabah memenangi sebanyak 29 kerusi DUN dan ianya sama dengan kerusi yang dimenangi oleh parti Warisan Sabah dan sekutunya daripada Pakatan Harapan. Jumlah kerusi DUN Sabah



pada masa itu adalah sebanyak 60 kerusi. Manakala baki 2 kerusi lagi adalah dimenangi oleh parti Solidariti Rakyat Sabah (STAR). Pada 10 Mei 2018, BN Sabah pimpinan Tan Sri Musa Aman mendapat sokongan daripada 2 kerusi STAR dan ini membuktikan bahawa BN dan Musa Aman telah memperolehi majority mudah iaitu 31 kerusi daripada 60 kerusi. Pada masa yang sama juga, parti UPKO iaitu Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Dusun Murut Bersatu telah membuat pengumuman keluar daripada BN tetapi ADUN daripada UOKO terus kekal menyokong Musa Aman dan akhirnya Musa mengangkat sumpah sebagai ketua menteri Sabah.

Krisis politik Sabah tidak berakhir dengan Musa Aman mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri, ini kerana pada 11 Mei 2018, seramai 6 orang ADUN BN telah mengumumkan keluar parti dan menyatakan sokongan terhadap Presiden parti Warisan iaitu Mohd Shafie Afdal. Manakala 4 ADUN daripada parti UPKO juga telah menyatakan sokongan terhadap Presiden Warisan. Keadaan ini telah membuktikan bahawa Mohd Shafie Afdal telah memperolehi majority dan akhirnya pada 12 Mei 2018, Mohd Shafie mengangkat sumpah sebagai ketua menteri Sabah yang baru menggantikan Musa Aman yang sempat menjawat jawatan Ketua Menteri selama 2 hari.

Perseteraan antara dua tokoh politik Sabah masih belum berakhir apabila pada 17 Mei 2018, Musa Aman telah failkan writ bagi memohon mahkamah mengisytiharkan bahawa beliau adalah sebagai ketua menteri yang sah. Proses mahkamah yang melibatkan tuntutan oleh Musa Aman telah berlarutan sehingga pada 7 November 2018, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah memutuskan bahawa perlantikan Mohd Shafie sebagai Ketua Menteri baharu Sabah adalah sah dan mengikut lunas-lunas perlembagaan negeri Sabah. Musa Aman menerusi peguamnya telah membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tetapi pada 28 November 2019 Mahkamah Rayuan Kota Kinabalu setelah mendengar rayuan tersebut telah menolak dengan kos rayuan Musa Aman bagi mencabar kesahihan pelantikan Mohd Shafie sebagai ketua menteri Sabah yang sah.

Pada 29 Julai 2020 Musa mendakwa telah memperolehi majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri baharu menerusi gabungan beberapa parti di negeri itu. Akhirnya pada 30 Julai 2020 Mohd Shafie mengumumkan pembubaran DUN Sabah bagi memberi laluan kepada pilihan raya negeri diadakan dalam tempoh 60 hari.

### **PRN Sabah 2020 Dan Keputusan**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengadakan mesyuarat berkaitan dengan ketetapan yang berkaitan dengan PRN Sabah pada 17 Ogos 2020 telah menetapkan 26 September ini sebagai tarikh Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah. SPR memaklumkan bahawa telah menerima pemakluman secara rasmi daripada DUN Sabah pada 30 Julai lepas berhubung pembubaran DUN Sabah. Timbalan Pengerusi SPR, Dr Azmi Sharom, telah memaklumkan bahawa tarikh hari penamaan calon telah ditetapkan pada 12 September 2020 dan tarikh pilihanraya adalah pada 26 September 2020 dengan hari pengundian awal ditetapkan pada 22 September. SPR telah menetapkan bahawa tempoh berkempen adalah selama 14 hari bermula selepas hari penamaan calon dan berakhir pada 25 September 2020. SPR juga telah memaklumkan bahawa, sebanyak 64 pusat penamaan calon dan pusat penjumlahan rasmi undi dan sebanyak 741 pusat mengundi yang membabitkan seramai 2,540 tempat mengundi dan sebanyak 56 pusat mengundi awal. Pada PRN Sabah ini ianya akan membabitkan seramai 30,540 petugas yang akan dilantik bagi mengendalikan proses pilihan raya. Waktu pengundian telah ditetapkan bermula jam 7.20 pagi dan akan berakhir pada jam 5 petang. PRN Sabah akan

membabitkan sejumlah 1,124,598 pengundi yang terdiri daripada 1,103,646 pengundi biasa, 9,448 anggota tentera dan pasangan, 11,423 anggota polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA) serta pasangan dan 81 orang pengundi tidak hadir (PTH) luar negara.

Pada hari penamaan calon 12 September 2020, SPR telah menerima sebanyak 447 calon yang layak bertanding dari pelbagai parti politik dan orang perseorang sebagai calon bebas. Pertandingan calon dalam PRN Sabah kali ini melibatkan seramai 404 calon lelaki (90.4%) berbanding hanya seramai 43 calon wanita atau 9.6%. Bagi parti-parti politik pula, Parti Cinta Sabah adalah satu-satunya parti politik yang bertanding bagi kesemua kerusi DUN Sabah dengan 73 calon dan diikuti oleh parti Warisan iaitu sebanyak 53 calon manakala tempat ketiga ialah parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang bertanding sebanyak 47 kerusi. Calon bebas juga telah merekodkan seramai 56 orang yang akan bertanding pada PRN Sabah kali ini dan ini merupakan antara pilihanraya yang mencatatkan penglibatan calon bebas yang agak ramai. Secara keseluruhannya, sebanyak 16 parti politik yang terlibat dalam pertandingan PRN Sabah dan antara parti-parti politik utama yang bertanding ialah BN (41 kerusi), Perikat Nasional (29 kerusi), PBS (22 kerusi), UPKO (12 kerusi) dan PKR (7 kerusi).

PRN Sabah kali ini juga telah merekodkan tidak ada satu kerusi sekalipun yang bertanding secara satu lawan satu dan terdapat kerusi yang dipertandingkan yang melibatkan pertandingan sebanyak 11 penjujur dan 10 penjujur iaitu masing-masing di satu di DUN 02 Bengkoka dan DUN 18 Inanam. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh SPR sejourus proses penamaan calon selesai, terdapat hanya 3 kerusi yang melibatkan pertandingan 3 penjujur iaitu di kerusi Sulaman, Usukan dan Sulabayan. Manakala pertandingan yang paling banyak melibatkan kerusi yang dipertandingkan iaitu sebanyak 26 kerusi bagi pertandingan 6 penjujur dan diikuti pertandingan 5 penjujur yang melibatkan sebanyak 15 kerusi yang dipertandingkan. Beberapa nama besar dalam arena politik Sabah turut bertanding bagi mempertahankan kerusi atau cuba memenangi kerusi yang dipertandingkan seperti Mohd Shafie Apdal yang bertanding di Senallang, Bung Mokhtar Radin yang bertanding di Lamag, Hajiji Noor yang bertanding di Sulaman, Anifah Aman yang bertanding di Bongawan, Christina Liew yang bertanding di Api-Api dan Jeffrey Kitingan yang bertanding di Tambunan.

PRN Sabah kali ini telah mencatatkan bilangan pengundi yang keluar mengundi sebanyak 66.61% bagi memilih 73 kerusi DUN yang dipertandingkan. Secara keseluruhannya, kerjasama politik menerusi Gabungan Rakyat Sabah yang terdiri daripada parti politik PN, BN, PBS dan Star telah berjaya memenangi pilihanraya DUN Sabah sebanyak 38 kerusi iaitu dengan PN sebanyak 17 kerusi, BN sebanyak 14 kerusi dan PBS sebanyak 7 kerusi. Manakala parti Warisan yang juga merupakan kerajaan negeri Sabah sebelum pembubaran DUN pada 30 Julai 2020 bersama-sama sekutunya UPKO dan PKR berjaya memenangi kerusi sebanyak 32 iaitu Warisan sebanyak 29 kerusi, PKR sebanyak 2 kerusi dan UPKO pula hanya 1 kerusi. PRN Sabah kali ini yang memperlihatkan seramai 56 calon bebas telah bertanding dan sebanyak 3 kerusi telah berjaya dimenangi oleh calon Bebas iaitu di N03 Pitas, N43 Kemabong dan N57 Kuamut. Keputusan ini telah membolehkan kerjasama politik Gabungan Rakyat Sabah telah berjaya membentuk kerajaan Sabah dan pada masa yang sama juga 3 calon Bebas yang memenangi kerusi masing-masing menyatakan sokongan terhadap GRS. Kejayaan kerjasama politik oleh GRS ini telah membolehkan Pengerusi Bersatu Sabah iaitu Hajiji Noor dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah pada 29 September 2020.

### Dapatan Kajian Dan Tinjauan Terhadap Sentimen Pembangunan

Kajian ini menggunakan instrument soal selidik yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik Geo-Pes UMS. Kutipan atau cerapan data di lapangan yang dibahagikan mengikut Zon telah dilakukan bermula pada 17 September sehingga 20 September 2020. Cerapan data dilakukan menggunakan kaedah temubual oleh kumpulan enumerator. Pemilihan responden adalah secara rawak. Kaedah analisis data yang digunakan adalah menggunakan *Principal Component Analysis (PCA)*. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk melihat apakah komponen-komponen tingkahlaku pengundi menjelang pilihanraya. Sebanyak enam komponen tingkahlaku dan sentimen yang terhasil daripada analisis tersebut. Fokus pada penulisan ini adalah berkaitan dengan sentiment pembangunan dalam PRN Sabah dan pengaruhnya terhadap pola pengundian serta analisis diskriptif berkaitan dengan keputusan pilihanraya.

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian lapangan yang melibatkan soal selidik seramai 2866 orang responden di seluruh negeri Sabah. Jadual 1.1 di bawah adalah menunjukkan latar belakang responden berdasarkan jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pekerjaan.

**Jadual 1.1**  
**Dapatan Kajian Berdasarkan Latar Belakang Responden**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>	1573	54.9
Lelaki	1293	45.1
Perempuan		
<b>Status Perkahwinan</b>		
Berkahwin	2167	75.6
Tidak Berkahwin	699	24.4
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Tidak bersekolah	158	5.5
Sekolah Rendah	383	13.4
Sekolah Menengah	1680	58.6
Kolej/Universiti	635	22.2
Lain-lain	10	0.3
<b>Pekerjaan</b>		
Kakitangan kerajaan	372	13
Kakitangan swasta	567	19.8
Bekerja sendiri	1223	42.7
Pesara	126	4.4
Pelajar	117	4.1
Tidak bekerja	461	16.1

(Sumber: GeoPES UMS)



Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan menerusi latar belakang responden didapati responden lelaki adalah seramai 54.9% berbanding responden wanita sebanyak 45.1%. Secara majority responden yang ditemui adalah yang berstatus berkahwin iaitu sebanyak 75.6% berbanding selebihnya berstatus tidak berkahwin. Manakala dari aspek tahap pendidikan pula, majority atau lebih daripada separuh responden adalah berpendidikan sekolah menengah iaitu sebanyak 58.6% berbanding hanya 13.4% adalah berpendidikan sekolah rendah dan 22.2% pula adalah berpendidikan di peringkat kolej atau university. Kebanyakan responden yang ditemui adalah yang bekerja sendiri iaitu 42.7% dan diikuti oleh kakitangan swasta iaitu sebanyak 19.8% dan ketiga tertinggal ialah tidak bekerja iaitu sebanyak 16.1%.

### **Perbincangan – Sentimen Pembangunan Di Sabah**

Isu pembangunan dan ekonomi terutamanya yang melibatkan kos sara hidup rakyat di masa pandemik Covid 19 adalah antara isu yang menjadi tumpuan dan relevan dalam PRN Sabah kali ini. Namun begitu, seharusnya isu-isu tersebut diperjuangkan demi kepentingan masyarakat Sabah yang melangkaui sempadan pilihanraya. Oleh itu, sentimen pembangunan terhadap rakyat dan pengundi Sabah adalah sangat dominan terutamanya di kawasan-kawasan seperti di Pantai Barat Sabah atau kawasan pedalaman Sabah.

Seperkara lagi rentang pembangaunan di Sabah adalah berkaitan dengan pembangunan seimbang antara wilayah terutamanya yang melibatkan Sabah dan Semenanjung Malaysia. Ini bermaksud wujudnya ketidakseimbangan dari segi pembangunan wilayah. Ini yang akan menjadi agenda dan isu yang akan dibincangkan. Seharusnya tidak wujud perbezaan pembangunan antara wilayah dan seharusnya Sabah berhad untuk mendapatkan pembangunan yang adil.

Pembangunan koridor Sabah mempunyai peluang untuk menyemak, menyusun semula tujuan dan sasaran pembangunan di bawah pemerintahan Sabah yang baharu terutamanya bagi memastikan Sabah benar-benar mendapat manfaat dari peningkatan kemakmuran dan pembangunan luar bandar. Ini kerana negeri Sabah mempunyai potensi yang sangat besar untuk diteroka dalam pembangunan yang berteraskan sumber-sumber yang sedia ada seperti produk pelancong, pertanian dan perladangan. Oleh itu perlunya sebuah perubahan besar terhadap perancangan dan juga pelaksanaan projek-projek pembangunan yang berskala sederhana dan besar bagi memberi impak ekonomi dan pembangunan kepada rakyat Sabah.

Isu pembangunan sangat berkait rapat dengan isu peluang pekerjaan. Di saat pandemik Covid 19 dan tuntutan ekonomi yang mendesak, isu peluang kerja mendapat tempat dikalangan masyarakat atau pengundi semasa kempen PRN Sabah kali ini. Parti politik yang bertanding dan berusaha untuk mencapai kemenangan perlu menawarkan penyelesaian kepada masalah penghijrahan anak muda ke Semenanjung untuk mencari pekerjaan sesuai dengan kelayakan dan kelulusan mereka. Selain tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur asas dan pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID 19, masalah peluang pekerjaan anak tempatan sudah berlarutan sekian lama dan harus menjadi keutamaan pemimpin mencari jalan penyelesaian. Penghijrahan anak muda merupakan satu kerugian kepada Sabah dari aspek kepakaran tenaga kerja dan pembangunan modal insan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri. PRN Sabah kali ini akan memberi ruang dan peluang kepada pengundi untuk menilai calon atau parti dari segi keupayaan serta inisiatif yang dapat ditunjukkan dalam usaha dan perancangan untuk mencari penyelesaian mengenai isu peluang kerja dan penghijrahan serta ke arah pemampunan pembangunan dan kesejahteraan bagi seluruh penduduk Sabah.

Pembangunan terhadap masyarakat Sabah berkait rapat juga dengan faktor kestabilan politik. Oleh itu, kestabilan politik dengan barisan pemimpin berintegriti mampu menggalakkan pelabur ke Sabah serta merencanakan aktiviti ekonomi dan membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Media melaporkan, kadar pengangguran dan kemiskinan di negeri Sabah berada di tahap yang antara tertinggi di Malaysia. Isu yang berkaitan dengan sentimen pembangunan dan peluang pekerjaan sering kali disuarakan rakyat Sabah dan ianya semakin meruncing dan mendesak ketika pandemik COVID-19. Diharapkan PRN Sabah dapat memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk mengundi calon atau parti politik yang berkeupayaan dan berkemampuan.

Keputusan rakyat Sabah dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 26 September bakal menentukan hala tuju pembangunan negeri itu pada masa akan datang. Menurut Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, dalam masa sama beliau tidak mahu Sabah ketinggalan dan berharap rakyat membuat pilihan bijak serta keputusan terbaik dalam pilihan raya itu. “Sudah pasti sebagai Perdana Menteri yang menerajui kerajaan Perikatan Nasional (PN), saya tidak mahu Sabah tertinggal di belakang kerana Sabah menjadi komponen penting negara kita. Apabila pilihan raya hampir tiba ini, saya nak saudara fikir baik-baik. Konsep federalism sangat penting terutamanya dalam kontek pembangunan dan hal ini sangat diberi penekanan oleh Perdana Menteri dalam kempen PRN Sabah kali ini. Menurut Perdana Menteri, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri seharusnya sehaluan dalam membangunkan Sabah ke arah yang lebih mampan selain memastikan semua inisiatif untuk rakyat dapat dilaksanakan secara berkesan. Perdana Menteri menambah bahawa “sebaiknya, kerajaan Persekutuan dan negeri mesti sama sehati dan sejiwa. Saya tahu Sabah ada sumber dan sebuah negeri kaya raya dan “Saya sedar masih banyak (pembangunan) harus dilakukan di Sabah, kalau hanya diserahkan kepada kerajaan negeri sahaja tidak mungkin boleh selesai, kalau diserahkan kepada Persekutuan sahaja pun tak mungkin boleh selesai “Kalau diserahkan kepada kerajaan negeri dan Persekutuan bersama-sama berjuang mungkin banyak masalah boleh selesai,” katanya. Jelas pernyataan oleh Perdana Menteri dapat memberi gambaran yang sebenar terhadap bentuk hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri terutamanya dalam konteks pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Kepentingan isu atau sentimen pembangunan dapat digambarkan oleh calon Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (Upko), Datuk Ewon Benedick yang mewakili Warisan Plus dalam usaha menarik sokongan pengundi di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kadamaian, Kota Belud apabila berliu menjelaskan bahawa keperluan pembangunan lebih penting berbanding isu pendatang asing tanpa izin (PATI). Beliau menambah bahawa “Sebagai calon yang ingin dipilih sebagai wakil rakyat, kita harus fokus dengan isu pembangunan di kawasan yang kita wakili dan fokus saya bukan isu PATI, tetapi mahu menjayakan Pelan Induk Pembangunan Kadamaian. Oleh itu adalah jelas bahawa pilihan raya ini adalah untuk memilih wakil rakyat yang boleh membantu rakyat mendapatkan pembangunan infrastruktur, program perumahan rakyat termiskin (PPRT) dan membantu pelajar mendapatkan biasiswa.

Calon-calon dan parti politik yang bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah bergerak dan berkempen bagi rakyat akan memilih kerajaan negeri yang dirasakan dapat memberikan kesejahteraan terhadap kehidupan mereka. Kempen PRN Sabah menunjukkan wujud kepelbagaian cara atau bentuk cara digunakan dalam berkempen termasuk menggunakan sentimen memupuk pengaruh atau sokongan terhadap sentimen pembangunan. Oleh itu, antara isu yang berlegar sepanjang kempen PRN Sabah ke-16 kali ini ialah pemberian geran tanah, isu “Sabah for Sabahan” atau Sabah untuk rakyat Sabah, insiden pencerobohan

pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada 2013, isu bekalan air bersih dan pembangunan ekonomi rakyat Sabah. Isu pembangunan dan ekonomi yang berkait rapat dengan sara hidup rakyat sentiasa mendapat perhatian parti politik yang bertanding. Isu ini menjadi *favorite* semua calon dalam ceramah kempen mereka kerana akan menarik minat rakyat Sabah terutama sekali pemulihan ekonomi melibatkan perniagaan kecil-kecilan yang dilihat mampu membantu meringankan beban rakyat bawahan.

### Kesimpulan

Secara umumnya PRN Sabah 2020 telah memperlihatkan proses perjalanan dan kempen pilihanraya dijalankan dalam norma baru berikutan dengan penularan Covid-19. Norma baru kempen ini ditetapkan oleh SPR berdasarkan SOP bagi memastikan penularan Covid – 19 dapat dicegah dan pada masa yang sama proses demokrasi dapat dilaksanakan dengan baik selaras dengan peruntukan perlembagaan dan undang-undang. PRN Sabah merupakan pilihanraya negeri yang pertama setelah Langkah Sheraton yang menyaksikan kejatuhan kerajaan pilihan rakyat ketika PRU 14 iaitu Pakatan Harapan dan diganti dengan kerjasama politik baharu iaitu Perikatan Nasional pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kejayaan kerjasama politik Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dalam PRN ini telah membuktikan bahawa konsep federalism yang melihat ideologi politik yang selari dengan persekutuan dapat dibuktikan oleh rakyat Sabah. Ini menyebabkan kerajaan penyandang iaitu Warisan Plus gagal untuk mempertahankan kuasa mentadbir negeri Sabah.

Kejayaan GRS banyak dipengaruhi oleh pelbagai factor yang antaranya ialah berkaitan dengan sentiment pembangunan dan bebanan terhadap kos sara hidup kesan daripada penularan pandemic Covid-19. Dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa pengundi memilih parti atau calon yang berkemampuan dan berkeupayaan untuk membangunkan Sabah dalam pelbagai sector seperti kemudahanj asas, infrastruktur dan modal insan serta pelbagai bantuan bagi menyara kehidupan keluarga terutamanya masyarakat luar bandar. Oleh itu hubungan selari berdasarkan kepimpinan di peringkat pusat dan negeri telah memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pengundi untuk menyokong GRS yang didokong oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Keputusan PRN Sabah telah memberi satu isyarat terhadap bentuk atau pendekatan dalam kerjasama politik bagi mendepani PRU akan datang, baik kepada parti politik kerajaan atau pun parti pembangkang. Isu utama ke arah PRU adalah seperti isu pembahagian kerusi dan kerjasama parti politik akan sentiasa mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk ahli akademik dan pemerhati politik.


### Rujukan

- Barry, B. 1970. *Sociologists, Economists and Democracy*. London: The MacMillan Company.
- Barbrook, A. 1975. *Patterns of Political Behaviour*. London: Martin Roberson & Co. Ltd.
- Bowman, L & Boynton, G. 1974. *Political Behavior & Public Opinion: Comparative Analyses*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Bottomore, T. 1979. *Political Sociology*. London: Hutchinson & Co Publishers Ltd.
- Campbell, A, Converse, P, Miller, W & Stokes, D. 1966. *Elections and the Political Order*. New York: John Wiley and Sons Inc.
- Curtice, J. 2002. The States of Election Studies: Mid-Life Crisis or New Youth. *Electoral Studies an International Journal*. 21(1): 161-168.
- Dewan Masyarakat. 2018. *Analisis Khas PRU 14*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur
- Dewan Masyarakat. 2008. *Edisi Khas PRU Ke-12*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Fernando, J. 2011. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12. Dlm. Fernando J, Zulkanain & Suffian. *Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Ghazali Mayudin. 2006. Demokrasi dan Pilihanraya di Malaysia. Dlm. Gazali, Jamaie, Sity & Zaini. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Malaysia. 2011. *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. 2002. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riley, M. 1988. *Power, Politics And Voting Bahaviour*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rizal & Jumaat. 2002. Politik Etnik & Perkembangan Politik Baru. Dlm. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1955-2013*. Pelbagai Isu & Tahun Pilihanraya Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- [www.undi.info.com.my](http://www.undi.info.com.my)
- [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)
- [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)
- [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)
- [www.spr.com.my](http://www.spr.com.my)


Lampiran

# BILANGAN PENJURU PARTI BERTANDING MENGIKUT DUN PADA PRN2020 SABAH






# KEDUDUKAN PARTI PEMENANG MENGIKUT DUN PADA PRN2020 SABAH



# PERATUSAN UNDI POPULAR PARTI BERTANDING PADA PRN2020 SABAH







(Sumber: google.com)



(Sumber: google.com)